




## BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 23 – 26 JULAI 2021

BIL. 27 / 2021



# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 26 Julai 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 853,913** atau 83.1 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **165,840 kes yang masih aktif**. Sementara itu, **kes baharu** direkodkan sebanyak **14,516** dan menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **1,027,954 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **14,513 kes** daripada catatan harian dengan **79.1 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 3 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 47.6 peratus**, Zon Selatan (17.6 peratus), Wilayah Malaysia Timur (16.0 peratus), Zon Utara (11.4 peratus) dan Zon Pantai Timur (7.4 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan di **Selangor** iaitu **6,508 kes** disusuli Johor (1,449 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,425 kes), Kedah (1,160 kes), Sabah (720 kes) dan Perak (590 kes). Sejumlah **8,201 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **207 kematian terbaru**, **catatan harian tertinggi yang pernah direkodkan**.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 25 Julai 2021 menunjukkan seramai **11,776,327** telah **divaksinasi**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **2,663,856** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,072,957. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Sarawak (1,641,900), Johor (888,718), Perak (677,218), Sabah (653,458), Pulau Pinang (634,156), Negeri Sembilan (520,261), Kedah (484,015) sementara Pahang dan Kelantan masing-masing merekodkan 387,066 dan 352,337. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **17,343,085** meliputi **11,776,327** penerima bagi **dos pertama** manakala **5,566,758** telah menerima **dos yang kedua**.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
  - US: **Permohonan gadai janji menurun**. Jumlah permohonan gadai janji rumah US menurun minggu lalu, didorong oleh penurunan dalam aktiviti

pembentangan semula dan pembelian. Mortgage Bankers Association (MBA) menyatakan bahawa indeks pasarannya yang disesuaikan mengikut musim jatuh 4.0% pada minggu yang berakhir 16 Julai dari minggu sebelumnya. Permohonan pembentangan semula pinjaman yang ada turun 2.8%, sementara pembentangan belian menurun 6.4% ke tahap terendah sejak Mei 2020. Purata kadar faedah untuk gadai janji 30 tahun meningkat kepada 3.11% daripada 3.09% pada minggu sebelumnya. (Reuters)

- EU: **ECB bersedia untuk merangka semula polisi rangsangan setelah sasaran inflasi disemak naik.** ECB telah mengadakan pertemuan dua hari bagi membincangkan dan memutuskan strategi monetari yang baharu bagi dasar jangka pendek. Setelah menaikkan sasaran inflasi kepada 2%, cabaran seterusnya adalah bagi ECB untuk menjelaskan pendekatan yang akan digunakan melalui kadar faedah dan pembelian bon. (Bloomberg)
- UK: **Pinjaman sektor awam jatuh pada bulan Jun 2021 manakala kos hutang meningkat.** Pinjaman sektor awam UK bulan lalu adalah hampir satu per lima lebih rendah daripada tahun sebelumnya, ketika ekonomi terkesan teruk akibat pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, kenaikan inflasi telah memberi tekanan ke atas kos pembentangan pinjaman. Pinjaman bersih sektor awam, tidak termasuk bank sektor awam, jatuh kepada GBP22.8 bilion (USD31.0 bilion) pada bulan Jun 2021. Penganalisis ekonomi mengunjurkan penurunan pinjaman kepada GBP21.6 bilion. Defisit UK turut dianggarkan melonjak ke 14.2% daripada KDNK bagi tempoh kewangan hingga akhir Mac 2021. Nisbah tersebut merupakan yang tertinggi sejak Perang Dunia Kedua. (Reuters)
- JAPAN: **Aktiviti ekonomi dijangka meningkat lebih dari yang dianggarkan dengan vaksinasi.** BoJ menyatakan bahawa peningkatan dalam pemberian vaksin akan membantu aktiviti ekonomi Japan meningkat lebih dari yang dijangkakan. Mengambil contoh negara-negara lain di mana vaksinasi sedang dilaksanakan, Japan menjangkakan bahawa penggunaan swasta, termasuk perkhidmatan yang melibatkan interaksi secara bersemuka, dijangka meningkat. Pemulihan yang telah mula dilihat di sektor korporat dan dijangka akan menyebar ke sektor isi rumah, sehingga meningkatkan kitaran dalam ekonomi keseluruhan. (RTT)
- JAPAN: **Eksport melonjak apabila permintaan US dan China mengukuh.** Eksport Japan melonjak pada bulan Jun 2021, disokong oleh permintaan US ke atas kenderaan dan penghantaran peralatan

pembuatan cip ke China. Eksport meningkat 48.6% tahun ke tahun pada Jun 2021, iaitu peningkatan dua digit untuk empat bulan berturut-turut. Pertumbuhan eksport Japan kekal kukuh walaupun kekurangan cip global membebani pengeluaran dan penghantaran kenderaan Japan. Dengan perbelanjaan pengguna yang lemah akibat sekatan pergerakan baharu bagi membendung penularan pandemik COVID-19 di Tokyo, Japan bergantung pada permintaan luaran untuk mengatasi masalah tersebut. (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Pengedar kenderaan dijangka terpaksa menutup perniagaan jika tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh terdekat.** Menurut Presiden Persatuan Automotif Malaysia (MAA), pihaknya telah menerima banyak aduan, terutama daripada pengedar kecil mengatakan **tidak mampu lagi bertahan dari segi aliran tunai**. Selain itu **pengedar besar, turut terjejas dan dijangka akan bertahan sehingga Oktober**, jika masih tidak dibenarkan beroperasi bagi sektor automotif.
2. **Indeks Pelopor (IP) Malaysia berkembang perlahan kepada 6.9 peratus pada Mei 2021 selepas meningkat kepada 15.7 peratus pada April 2021,** berasaskan perbandingan tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain dan Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan. **Kadar pertumbuhan IP terlicin kekal di atas trend, walau bagaimanapun bergerak menurun** dan ekonomi Malaysia dijangka akan menghadapi cabaran dalam mengekalkan momentum pemulihan.
3. **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)** terus menumpukan usaha menarik **pelaburan berkualiti tinggi daripada syarikat asing dan tempatan** menerusi pelbagai strategi pelaburan dan inisiatif dasar di tengah-tengah penularan pandemik COVID-19. Justeru, pada suku pertama 2021, **Malaysia merekodkan pelaburan dilulus bernilai RM80.6 bilion** dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan utama iaitu melonjak sebanyak **95.6 peratus daripada tempoh yang sama tahun lalu**. Secara tidak langsung mencerminkan Malaysia kekal sebagai **lokasi pelaburan kompetitif** bagi pelabur asing meskipun keadaan tidak menentu global ketika ini.
4. **Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)** terus memperkasakan perniagaan tempatan dengan **penggunaan data melalui program Data Driven Enterprise (DDE)**. Melalui inisiatif itu, MDEC bekerjasama dengan firma penyelidik, International Data Corporation (IDC) bagi melancarkan alat penilaian kesediaan untuk **data, analistik dan kecerdasan buatan (AI)** bagi kegunaan syarikat tempatan.
5. **Pelbagai tahap perintah kawalan pergerakan di Malaysia** telah menyebabkan rantaian bekalan global **komponen elektrik dan elektronik (E&E) Siemens AG terjejas sehingga menyebabkan kelewatan** bagi memenuhi pesanan pembelian pelanggannya. Ini memberi kesan terhadap sektor pembuatan di ibu pejabat syarikat ini terutamanya di German kerana memperoleh komponen E&E dari Malaysia.

6. Secara keseluruhan **5,766 tapak bina diperiksa** di seluruh negara dalam tempoh sama dengan **4,624 daripadanya didapati tidak beroperasi**. Sebanyak **209 tapak bina dilaporkan tidak patuh SOP** seterusnya diarah tutup dan antara sebab penutupan termasuk tiada surat kebenaran daripada beroperasi daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta tiada kebenaran pihak berkuasa tempatan. Sarawak adalah negeri yang mempunyai tapak binaan paling banyak diarahkan tutup iaitu 56, diikuti Selangor (46) dan Kuala Lumpur (18).
7. **SME Bank mensasarkan pertumbuhan sederhana pembiayaan** iaitu RM400 juta tahun ini berbanding RM934 juta yang dicatatkan pada 2020. Penurunan pertumbuhan pembiayaan adalah **sejajar dengan sentimen perniagaan yang lemah dan ketidakpastian yang berlaku akibat pandemik COVID-19**.
8. **Kerajaan akan membantu menghidupkan semula syarikat Pertubuhan Kecil Sederhana (PKS)** selepas proses vaksinasi selesai, bagi memastikan PKS di negara ini akan **terus beroperasi** walaupun menghadapi cabaran akibat pandemik COVID-19.
9. **Seramai 298,306 pekerja sektor pembuatan menerima dos pertama vaksin COVID-19** mereka di bawah Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) setakat 25 Julai, 2021. PIKAS dibentuk bertujuan untuk **mempercepatkan vaksinasi kepada kira-kira dua juta pekerja dalam sektor pembuatan** menjelang akhir suku ketiga tahun ini.
10. **Kilang pengeluar telur terbesar** terpaksa ditutup selama dua minggu sehingga 6 Ogos depan selepas beberapa pekerja kilang didapati positif COVID-19. **Kilang tersebut mengeluarkan kira-kira 1.5 juta biji telur ayam setiap hari** untuk dibekalkan di seluruh negara. Rakyat mungkin berdepan dengan kenaikan harga pasaran telur ekoran bekalan berkurangan. **Harga telur dijangka akan naik antara 10 hingga 20 peratus**, bergantung kepada permintaan dan jumlah bekalan yang ada.
11. **Hampir keseluruhan guru sudah menerima vaksin COVID-19** susulan pembukaan sekolah secara berperingkat untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka, mulai 1 September 2021.
12. **Sejumlah RM171.64 juta dalam bentuk pembiayaan telah disalurkan kepada 13,871 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro pertanian setakat 9 Julai 2021** bagi menyokong industri pertanian dan makanan negara. Di bawah skim sokongan industri pertanian dan makanan ini, sejumlah RM350 juta merupakan peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank.

13. Ketika zaman pandemik **pengusaha nurseri pokok ros di Pendang telah mengusahakan lebih 3,000 pokok bunga ros di Eyka Rose Garden** daripada 300 spesies termasuk 500 daripadanya mempunyai nama atau jenis tersendiri yang mana jenis Red Baccara paling digemari ketika ini.
14. Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC) mampu **memberi impak besar ke arah mencapai sasaran kelompok imuniti dalam kalangan pekerja sektor peruncitan dan melindungi pengguna bagi membendung penularan COVID-19**. Di samping itu, ia dapat mengimbangi keperluan antara kelangsungan ekonomi negara dan mengawal penularan wabak serta mengukuhkan kepercayaan pengguna terhadap industri ini.
15. Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) ketiga **Sime Darby Plantation Bhd (SDP) di Ladang Tennamaram di Bestari Jaya akan menyediakan kemudahan suntikan vaksin COVID-19 melibatkan 6,500 pekerja ladang**. PPVIN tersebut akan membabitkan pekerja aktiviti minyak sawit, getah dan sektor pertanian SDP di negeri berkenaan serta pekerja ladang daripada syarikat lain.
16. Kerajaan bersetuju **melanjutkan kontrak kira-kira 14 ribu pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi bagi tempoh 2 tahun (7,000 setiap kohort/tahun)** dengan implikasi kewangan sebanyak RM1.2 bilion. Kerajaan turut bersetuju melanjutkan pelantikan secara kontrak bagi tempoh maksimum empat tahun bagi pegawai perubatan dan pegawai pergigian yang diterima mengikuti pengajian kepakaran dalam tempoh kontrak dua tahun pertama.

<b>A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Berita Harian</b> 24 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Pengusaha PKS akan terus dibantu – Muhyiddin</b></p> <p>Sejak Mac 2020, kerajaan sudah membelanjakan sebanyak RM15 bilion yang dimanfaatkan 330,000 majikan dan syarikat, serta mengekalkan lebih 2.7 juta pekerjaan.</p> <p>Inisiatif berjumlah lebih RM20 bilion sudah dibekalkan dalam bentuk pinjaman mudah melalui skim pinjaman Bank Negara Malaysia (BNM) dan skim pembiayaan mikro kredit kepada golongan PKS.</p>	<a href="https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/07/842892/pengusaha-pks-akan-terus-dibantu-muhyiddin">https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/07/842892/pengusaha-pks-akan-terus-dibantu-muhyiddin</a>
2.	<b>Metro</b> 25 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>PKPD dikenakan ke atas 28 lokaliti</b></p> <p>Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di beberapa kawasan di Kelantan, Terengganu, Perak, Kedah dan Sabah bermula 27 Julai yang membabitkan 28 lokaliti berikutan daripada peningkatan kes positif COVID-19 di kawasan tersebut.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/734724/pkpd-dikenakan-ke-atas-28-lokaliti">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/734724/pkpd-dikenakan-ke-atas-28-lokaliti</a>
3.	<b>The Edge</b> 26 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>EMCO in 13 localities in Sabah, Kelantan and Pahang from July 28 to Aug 10</b></p> <p>A total of 13 localities in Sabah, Kelantan and Pahang will come under the Enhanced Movement Control Order (EMCO) from this</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/emco-13-localities-sabah-kelantan-and-pahang-july-28-aug-10">https://www.theedgemarkets.com/article/emco-13-localities-sabah-kelantan-and-pahang-july-28-aug-10</a>

	<p>Wednesday (July 28) until Aug 10.</p> <p>Deputy Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the decision was taken after a special session of the National Security Council (MKN) took into account the Health Ministry's risk assessment and trend of Covid-19 infection in all the localities.</p>	
<b>Penemuan penting &amp; isu:</b>		
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kerajaan akan membantu menghidupkan semula syarikat PKS selepas proses vaksinasi selesai, bagi memastikan PKS di negara ini akan terus beroperasi walaupun menghadapi cabaran akibat pandemik Covid-19.</li> <li>2. Bermula 27 Julai 2021, sebanyak 28 lokaliti akan dikenakan PKPD yang melibatkan beberapa kawasan di daerah Pasir Puteh, Kelantan manakala di Terengganu pula di daerah Kuala Terengganu. Kawasan PKPD di Perak membabitkan daerah Selama dan Batang Padang manakala Kedah dan Sabah pula masing-masing melibatkan daerah Langkawi dan Ranau.</li> <li>3. Sebanyak 13 lokaliti di Sabah, Kelantan dan Pahang akan dikenakan PKPD bermula pada 28 Julai hingga 10 Ogos 2021. Lokaliti yang terlibat adalah di Sabah sebanyak 8 lokaliti, Kelantan sebanyak 1 lokaliti dan Pahang sebanyak 4 lokaliti.</li> </ol>		
<b>Maklumbalas Bahagian:</b>		
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan kepada sektor PKS dijangka dapat membantu menjana semula ekonomi memandangkan sektor ini mewakili hampir 90 peratus entiti ekonomi negara. Berdasarkan pada prestasi 2019, nilai ditambah PKS menyumbang 38.9 peratus kepada KDNK negara.</li> <li>2. Pelaksanaan sekatan pergerakan dan penutupan sempadan merupakan antara langkah membendung penularan pandemik ini. Namun, secara tidak langsung krisis kesihatan ini memberi kesan kepada ekonomi. Pada tahun 2020 KDNK di Kelantan, Terengganu, Perak, Kedah, Pahang dan Sabah masing-masing merekodkan penyusutan 1.1 peratus, 5.7 peratus, 2.3 peratus, 1.7 peratus, 5.9 peratus dan 9.5 peratus.</li> </ol>		

<b>B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
<b>A. Subsektor Kesihatan</b>			
1.	<b>Harian Metro</b> 23 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Kedah beli vaksin Sinovac jika perlu</b></p> <p>Kerajaan negeri sedia membeli vaksin COVID-19 Sinovac dari Pharmaniaga Bhd sekiranya terdapat keperluan.</p> <p>MOSTI sudah jadualkan penghantaran vaksin untuk setiap negeri termasuk Kedah, selain itu Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) juga sudah berjalan untuk sektor industri di Kedah.</p> <p>Sebanyak 14 juta dos vaksin Sinovac akan dijual Pharmaniaga kepada syarikat swasta dan negeri yang berminat mulai bulan ini sehingga September.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/733822/kedah-beli-vaksin-sinovac-jika-perlu">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/733822/kedah-beli-vaksin-sinovac-jika-perlu</a>
2.	<b>Harian Metro</b> 23 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Pulau Pinang ke arah Fasa 3 PPN</b></p> <p>Pulau Pinang ke arah Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) apabila kadar suntikan vaksin COVID-19 di negeri itu mencapai 30,000 suntikan sehari.</p> <p>Sejumlah 12 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) awam termasuk empat hospital kerajaan beroperasi di negeri ini selain PPV integrasi, PPV mega, PPV instituui pengajian tinggi, PPV</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/733832/pulau-pinang-ke-arah-fasa-3-ppn">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/733832/pulau-pinang-ke-arah-fasa-3-ppn</a>

		<p>hospital swasta dan PPV pengamal perubatan orang awam dengan kapasiti dos suntikan maksimum 20,830 sehari.</p> <p>Sembilan PPV bawah Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam Swasta (PIKAS) turut beroperasi kini dengan jumlah suntikan kapasiti 10,200 sehari.</p>	
3.	<b>Harian Metro</b> 23 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Keutamaan vaksin Cansino untuk orang Sabah</b></p> <p>Sabah akan diberi keutamaan untuk menerima vaksin COVID-19 dos tunggal CanSino apabila Malaysia menerima tiga juta bekalan vaksin itu bulan depan.</p> <p>Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor berkata, bekalan vaksin yang mencukupi penting bagi Sabah untuk membantu masyarakat di kawasan pedalaman dan pulau terpencil yang berdepan masalah perhubungan disebabkan keadaan muka bumi yang sukar dan jauh.</p> <p>Sehingga kini, Sabah sudah membuka sebanyak 177 pusat pemberian vaksin (PPV) di seluruh negeri. Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Dr Rose Nani Mudin, menjelaskan PPV Integrasi pertama Sabah akan bermula minggu depan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC). PPV Integrasi itu akan memberi vaksin dengan</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/733863/keutamaan-vaksin-cansino-untuk-orang-sabah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/733863/keutamaan-vaksin-cansino-untuk-orang-sabah</a>

		kerjasama hospital swasta untuk mempercepatkan proses vaksinasi sekali gus mengurangkan beban yang dihadapi hospital awam ketika ini.	
4.	<b>New Straits Times</b> 23 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Expert: Private hospitals not acting in right spirit</b></p> <p>Despite the country being in an emergency and the public healthcare system in a critical condition, private hospitals are continuing to demand commercial rates for their services. Economist Professor Dr Geoffrey Williams, of Malaysia University of Science and Technology, said making money at the expense of the vulnerable was not right.</p> <p>The cost of treating patients transferred to private hospitals would be borne by the government up to a limit, and all transferred patients must receive treatment with costs as stated in the guidelines. The ceiling cost per patient is for the lowest available charge for beds available in the ward, RM45,000 for surgery costs, RM25,000 for non-surgery costs and RM5,000 for follow-up costs.</p> <p>Private hospitals are happy that we have been given this opportunity to assist the government. It's not to make profits, but if possible, to cover costs. Most private hospitals are willing to give further discounts to</p>	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/710868/expert-private-hospitals-not-acting-right-spirit">https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/710868/expert-private-hospitals-not-acting-right-spirit</a>

		the government to make it affordable for them.	
5.	<b>New Straits Times</b> 23 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Perak urges Mosti to speed up vaccine supplies to the state [NSTTV]</b></p> <p>The state government today urged the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) to speed up the supply of COVID-19 vaccines to Perak to enable it to enter Phase 3 of the National Recovery Plan (NRP). On July 4, Menteri Besar Datuk Saarani Mohamad said the state can achieve 40 per cent as it currently has 101 PPVs, comprising 31 in public hospitals and 70 in private clinics and hospitals.</p> <p>On a separate note, Saarani said the state has opened three PIKAS vaccination centres namely PPV Convention Centre Casuarina Meru, PPV Kompleks Sukan Proton and PPV Sapura Fabrication Sdn. Bhd to expedite the vaccination process among industry workers. We will be opening another PIKAS PPV in Taiping at the St Louis Hall next Wednesday.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/710931/perak-urges-mosti-speed-vaccine-supplies-state-nsttv">https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/710931/perak-urges-mosti-speed-vaccine-supplies-state-nsttv</a>
	<b>B. Subsektor Kewangan</b>		
6.	<b>The Edge</b> 26 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Equities to shine as global markets recover in next 12 months, says Nomura</b></p> <p>Equities will make good long-term investments amid positive sentiments with regards to market recovery, Nomura Asset Management said.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/equities-shine-global-markets-recover-next-12-months-says-nomura">https://www.theedgemarkets.com/article/equities-shine-global-markets-recover-next-12-months-says-nomura</a>

		<p>Long-term investors in the global economy and global markets should feel positive about the next 12 months as the “system remains flush with liquidity”. “In terms of returns for the longer term, equities [are] a good area to be in,”</p>	
7.	<b>The Edge</b> 26 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>UOB Malaysia launches new digital account opening service on mobile banking app</b></p> <p>UOB Malaysia has launched a digital account opening service that will enable customers to open a personal bank account expediently via the bank's all-in-one mobile banking app, UOB Mighty. With the new service on the app, opening an account is expected to take only 10 minutes online, which is up to 60% faster than performing the same process at a branch.</p> <p>UOB's ASEAN Consumer Sentiment Study survey conducted in July 2020 among more than 3,500 individuals aged 18 to 65 across five ASEAN markets — Singapore, Malaysia, Indonesia, Thailand and Vietnam — revealed that more than half of its respondents preferred to open a bank account online while 67% were willing to apply for a financial product via internet or mobile banking.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/uob-malaysia-launches-new-digital-account-opening-service-mobile-banking-app">https://www.theedgemarkets.com/article/uob-malaysia-launches-new-digital-account-opening-service-mobile-banking-app</a>

8.	<p><b>The Edge</b> 26 Julai 2021 (Essential)</p>	<p><b>AIA Malaysia takes 'minority' stake in Touch 'n Go eWallet, confirms The Edge report</b></p> <p>Insurer AIA Bhd (AIA Malaysia) will make "a minority equity investment" in TNG Digital Sdn Bhd, the owner of Touch 'n Go eWallet. Under the strategic partnership, AIA will provide "innovative and personalised digital insurance solutions to meet the protection needs of over 16 million Touch 'n Go eWallet customers nationwide.</p> <p>The collaboration with TNG Digital would allow AIA to offer Touch 'n Go eWallet customer's insurance solutions that they can purchase both directly online as well as through AIA's existing distribution channels — including its 19,000-strong agency force.</p> <p>Besides AIA, other shareholders of TNG Digital are Touch 'n Go, which is a wholly-owned unit of banking giant CIMB Group Holdings Bhd, China's Ant Group and New York-based investment firm Bow Wave Capital Management.</p>	<p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/aia-malaysia-takes-minority-stake-touch-n-go-ewallet-confirms-edge-report">https://www.theedgemarkets.com/article/aia-malaysia-takes-minority-stake-touch-n-go-ewallet-confirms-edge-report</a></p>
9.	<p><b>The Edge</b> 26 Julai 2021 (Essential)</p>	<p><b>AIA Group to take a stake in TnG Digital, valuing the e-wallet company at about RM3 bil, say sources</b></p> <p>Insurer AIA Group is emerging as the fourth shareholder of TNG Digital Sdn Bhd, the e-wallet unit of Touch 'n Go Sdn Bhd via the participation in the latest round of</p>	<p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/aia-group-take-stake-tng-digital-valuing-ewallet-company-about-rm3-bil-say-sources">https://www.theedgemarkets.com/article/aia-group-take-stake-tng-digital-valuing-ewallet-company-about-rm3-bil-say-sources</a></p>

		capital raising, which values TNG Digital at about US\$700 million or approximately RM3 billion. TNG Digital claims to be Malaysia's largest e-wallet, with more than 16 million registered users.	
10.	<b>The Edge</b> 25 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>SME Bank targets modest loan growth as small and medium enterprises take a beating</b>  SME Bank is targeting a modest financing growth of RM400 million this year, compared with RM934 million recorded in 2020, as domestic economic activities continue to slow down due to the pandemic. Group president and chief executive officer Aria Putera Ismail said the decline in financing growth was in line with weaker business sentiment amid prevailing uncertainties due to the Covid-19 pandemic.	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/sme-bank-targets-modest-loan-growth-small-and-medium-enterprises-take-beating">https://www.theedgemarkets.com/article/sme-bank-targets-modest-loan-growth-small-and-medium-enterprises-take-beating</a>
11.	<b>The Edge</b> 25 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Financial institutions play significant role in transition towards green investment, says Bursa chairman</b>  As the global movement towards sustainability or environmental, social and governance (ESG) is gaining momentum, the role of financial institutions (FIs) is significant in the transition towards green investments. Investors and FIs are now increasingly recognising the value proposition of incorporating ESG, as considerations in asset allocation and financing.	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/financial-institutions-play-significant-role-transition-towards-green-investment-says-bursa">https://www.theedgemarkets.com/article/financial-institutions-play-significant-role-transition-towards-green-investment-says-bursa</a>

	C. Subsektor Penginapan		
12.	<b>Astro Awani 23 Julai 2021 (Essential)</b>	<p><b>COVID-19: Suntikan vaksin beri kelegaan kepada pemain industri pelancongan</b></p> <p>Pemberian suntikan vaksin COVID-19 kepada para penggiat industri pelancongan memberi kelegaan dan sinar baharu buat pemain sektor tersebut. Pemberian vaksin dapat meningkatkan keyakinan untuk berdepan dengan pelancong, sekali gus merancakkan kembali ekonomi mereka yang terjejas teruk. Selain itu, pemain industri ini turut memohon kerajaan mempertimbangkan kebenaran merentas daerah bagi individu yang telah lengkap divaksin dalam usaha menghidupkan kembali sektor berkenaan.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-suntikan-vaksin-beri-kelegaan-kepada-pemain-industri-pelancongan-309874">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-suntikan-vaksin-beri-kelegaan-kepada-pemain-industri-pelancongan-309874</a>
13.	<b>Astro Awani 24 Julai 2021 (Non -Essential)</b>	<p><b>Bukit Fraser, Pulau Tioman dijangka dibuka semula untuk pelancongan awal Ogos - Exco</b></p> <p>Kerajaan Pahang bercadang untuk membuka sektor pelancongan di negeri itu secara berperingkat bermula awal bulan depan dengan Bukit Fraser dan Pulau Tioman menjadi perintis. Di samping itu, kerajaan negeri juga bercadang untuk mempercepat pemberian vaksin kepada pekerja restoran, motel, kedai cenderahati yang terlibat dengan sektor pelancongan bagi menyakinkan pelancong berkunjung ke lokasi itu.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bukit-fraser-pulau-tioman-diangka-dibuka-semula-untuk-pelancongan-awal-ogos-exco-310141">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bukit-fraser-pulau-tioman-diangka-dibuka-semula-untuk-pelancongan-awal-ogos-exco-310141</a>

14.	<b>The Star</b> <b>24 Julai 2021</b> <i>(Essential)</i>	<p><b>Hotel industry's defining moment</b></p> <p>Of the many businesses being pummelled by the pandemic globally, the hotel industry is an obvious victim. The industry is already running on massive losses due to low occupancy rates throughout 2020 until now.</p> <p>According to the MAH, there are at least 50 hotels in Malaysia playing the role of quarantine centres, where most of the stays are borne by the guests themselves, albeit at discounted rates.</p> <p>Not all hotels have the criteria to become quarantine centres because they are located in cities that have no airports, as most people paying for quarantine stays are returning from overseas.</p>	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/07/24/hotel-industrys-defining-moment">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/07/24/hotel-industrys-defining-moment</a>
-----	---	--	---

#### Penemuan penting & isu:

1. Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) juga sudah berjalan untuk sektor perindustrian di Kedah.
2. Sembilan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bawah Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam Swasta (PIKAS) turut beroperasi kini dengan jumlah suntikan kapasiti 10,200 sehari di Pulau Pinang.
3. PPV Integrasi pertama Sabah akan bermula minggu depan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC). PPV Integrasi itu akan memberi vaksin dengan kerjasama hospital swasta.
4. Lebih daripada 800 pesakit bukan COVID-19 di Lembah Klang dan Negeri Sembilan akan dipindahkan ke 38 hospital swasta. Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia, Datuk Dr Kuljit Singh mengesahkan perkara ini. Sejumlah pembedahan dan prosedur elektif di hospital awam di Lembah Klang juga telah dipindahkan ke hospital swasta.

5. Perak telah mempunyai 101 PPV yang terdiri daripada 31 hospital awam, 70 klinik dan hospital swasta. Selain itu, Perak juga telah membuka tiga pusat vaksinasi PIKAS dan satu lagi akan dibuka di Taiping pada Rabu depan.
6. Nomura Asset Management menjangkakan pelaburan dalam bentuk Ekuiti akan memberikan pulangan yang baik dalam jangka masa panjang seiring dengan sentimen positif berkaitan pemulihian pasaran.
7. UOB Malaysia telah melancarkan perkhidmatan pembukaan akaun digital yang membolehkan pelanggan membuka akaun bank peribadi dengan pantas (10 minit) melalui aplikasi perbankan mudah alih all-in-one bank, UOB Mighty, 60% lebih pantas berbanding proses di kaunter.
8. Perkongsian strategik di antara AIA dan TNG Digital Sdn Bhd akan menyediakan "penyelesaian insurans digital yang inovatif bagi memenuhi keperluan perlindungan insurans lebih dari 16 juta pelanggan Touch 'n Go e-Wallet di seluruh negara.
9. SME Bank mensasarkan pertumbuhan sederhana pembiayaan iaitu RM400 juta tahun ini berbanding RM934 juta yang dicatatkan pada 2020. Penurunan pertumbuhan pembiayaan adalah sejajar dengan sentimen perniagaan yang lemah dan ketidakpastian yang berlaku akibat pandemik COVID-19.
10. Peranan institusi kewangan adalah signifikan dalam peralihan ke arah pelaburan hijau, *environmental, social and governance* (ESG).
11. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital Negeri, Ariffin Deraman berkata, lebih 5,000 pemain industri pelancongan di pulau-pulau utama di Terengganu akan selesai menerima suntikan vaksin COVID-19 menjelang Ogos.
12. Senarai hotel untuk dijual di Malaysia melonjak 40 peratus dari tahun ke tahun kerana tarikan dari pelabur tempatan dan luar negara, kata Previndran Singhe dari Zerin Properties, sambil mengulas bahawa harga hartanah hotel telah menurun sebanyak 35 peratus.
13. Menurut MAH, kadar purata penghunian hotel di Malaysia untuk tahun lalu adalah 32 peratus berbanding semasa pra-pandemik pada tahun 2019 iaitu 64.2 peratus dan 60.7 peratus pada tahun 2018. MAH berpendapat bahawa kadar penghunian akan menurun lebih jauh kepada 23 peratus pada tahun ini.

14. MAH menjangkakan pada suku tahun ketiga dan keempat 2021, kadar penghuniaan masing-masing meningkat kepada 21 peratus dan 28 peratus menjadikan kadar penghuniaan bagi tahun 2021 adalah 23 peratus.
15. Menurut MAH, kadar purata hotel di Malaysia pada tahun ini adalah antara RM180 hingga RM190, iaitu penurunan antara 20 peratus hingga 30 peratus berbanding situasi pra-pandemik.
16. Melalui survei yang dijalankan oleh MAH terhadap 320 hotel menunjukkan bahawa sehingga bulan lalu, 91 daripadanya ditutup sementara, sementara 2 ditutup secara kekal. Sebanyak 70.9 peratus daripada 320 hotel beroperasi dan 28.4 peratus adalah tutup sementara.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam Swasta (PIKAS) yang semakin rancak di seluruh Negara mempercepatkan proses vaksinasi sekali gus mengurangkan beban yang dihadapi hospital awam ketika ini. Program ini turut menyumbang hasil kepada industri hospital swasta pada ST3 2021.
2. Perubahan pesat ke arah pembayaran secara digital diterjemahkan melalui data Bank Negara Malaysia iaitu transaksi e-Money meningkat kepada 155.6 juta pada Mei 2021 berbanding 96.4 juta tahun sebelumnya, sementara nilainya hampir dua kali ganda menjadi RM4 bilion daripada RM2.1 bilion pada tempoh yang sama.
3. Pemberian vaksin kepada pemain industri pelancongan dapat merancakkan kembali aktiviti tersebut yang terjejas akibat pandemik COVID-19.
4. Kadar penghunian yang rendah serta penutupan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 akan memberi kesan pengurangan pendapatan industri perkhidmatan penginapan bagi tempoh ST2 2021.

<b>C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Astro Awani</b> 23 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>Kilang penyimpanan minyak kelapa sawit musnah dalam kebakaran</b>  Sebuah kilang penyimpanan minyak sawit di Sungai Jawi di sini musnah dalam kebakaran tengah	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kilang-penyimpanan-minyak-kelapa-sawit-musnah-dalam-kebakaran-309823">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kilang-penyimpanan-minyak-kelapa-sawit-musnah-dalam-kebakaran-309823</a>

		<p>malam Rabu dan memerlukan pasukan bomba menjalankan proses 'overhaul' sehingga pagi esok bagi memastikan tiada kebakaran lain berlaku di situ.</p> <p>Kebakaran itu telah menyebabkan kemusnahan hampir keseluruhan kilang itu dan pihak bomba berjaya mengawal api daripada merebak di kawasan tersebut namun kerja-kerja bagi mengawal kebakaran daripada merebak (overhaul) masih dijalankan dan ia dijangka diteruskan sehingga awal pagi Jumaat.</p>	
2.	<b>Bernama</b> 25 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>298,306 pekerja sektor pembuatan terima dos pertama vaksinasi di bawah PIKAS</b></p> <p>Seramai 298,306 pekerja sektor pembuatan menerima dos pertama vaksin COVID-19 mereka di bawah Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) setakat 25 Julai, 2021.</p> <p>PIKAS dibentuk bertujuan untuk mempercepatkan vaksinasi kepada kira-kira dua juta pekerja dalam sektor pembuatan menjelang akhir suku ketiga tahun ini.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1985593">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1985593</a>
3.	<b>The Edge Markets</b> 26 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Malaysian Rubber Council unveils sustainability plan, committed to driving value in the industry</b></p> <p>Based on data from the council, the Malaysian rubber industry's</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/content/advertise/malaysian-rubber-council-unveils-sustainability-plan-">https://www.theedgemarkets.com/content/advertise/malaysian-rubber-council-unveils-sustainability-plan-</a>

		<p>exports increased by 169.6% in the first quarter of 2021 (1Q2021) to RM21.84 billion from RM8.1 billion a year earlier.</p> <p>The glove sub-sector remained the largest export for the industry, increasing by 265.7% to reach RM17.86 billion in 1Q21, MRC said.</p>	<a href="#"><u>committed-driving-value-industry</u></a>
4.	<b>The Edge Markets</b> 26 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Oil prices little changed, coronavirus, floods threaten demand</b></p> <p>Oil prices were little changed on Monday as investors balanced concerns about fuel demand from the spread of COVID-19 variants and floods in China against expectations of tight supplies through the rest of the year.</p> <p>Coronavirus cases continued to rise over weekend with some countries posting record daily increases and extending lockdown measures that could slow oil demand. China, the world's largest crude importer, has also seen a rise in COVID-19 cases while the nation battled severe floods and a typhoon in central and eastern parts of the country.</p> <p>Global oil markets are expected to remain in deficit despite a decision by the Organization of the Petroleum Exporting Countries and their allies to raise production through the rest of the year.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/oil-prices-little-changed-coronavirus-floods-threaten-demand"><u>https://www.theedgemarkets.com/article/oil-prices-little-changed-coronavirus-floods-threaten-demand</u></a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Sebuah kilang penyimpanan minyak sawit di Sungai Jawi di sini musnah dalam kebakaran tengah malam Rabu. Kebakaran itu telah menyebabkan kemusnahan hampir keseluruhan kilang itu dan pihak bomba berjaya mengawal api daripada merebak di kawasan tersebut namun kerja-kerja bagi mengawal kebakaran daripada merebak (overhaul) masih dijalankan dan ia dijangka diteruskan sehingga awal pagi Jumaat.
2. Seramai 298,306 pekerja sektor pembuatan menerima dos pertama vaksin COVID-19 mereka di bawah Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) setakat 25 Julai, 2021. PIKAS dibentuk bertujuan untuk mempercepatkan vaksinasi kepada kira-kira dua juta pekerja dalam sektor pembuatan menjelang akhir suku ketiga tahun ini.
3. Eksport industri getah Malaysia meningkat 169.6% pada suku tahun pertama (ST1) 2021 kepada RM21.84 bilion daripada RM8.1 bilion tahun sebelumnya. Subsektor sarung tangan kekal sebagai eksport terbesar untuk industri ini, meningkat sebanyak 265.7% untuk mencapai RM17.86 bilion pada ST1 2021, kata MRC.
4. Harga minyak sedikit berubah pada hari Isnin berikutan keimbangan para pelabur mengenai permintaan bahan bakar dari penyebaran varian COVID-19 dan banjir di China berbanding jangkaan bekalan yang ketat sepanjang baki tahun ini. Pasaran minyak global dijangka akan terus mengalami defisit meskipun keputusan oleh Organisasi Negara Pengekspor Petroleum dan sekutunya akan meningkatkan produksi sepanjang penghabisan tahun ini.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Nilai eksport minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berdasarkan minyak kelapa sawit bagi Mei 2021 adalah RM7,919.0 juta dan menyusut sebanyak RM466.3 juta atau 5.6 peratus bulan ke bulan. Volum eksport minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berdasarkan kelapa sawit bagi Mei 2021 adalah 2.1 juta tan metrik dan mencatatkan peningkatan sebanyak 25.7 ribu tan metrik berbanding bulan sebelumnya. Minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berdasarkan minyak kelapa sawit menyumbang 8.6 peratus kepada keseluruhan nilai eksport Mei 2021.
2. Sektor pembuatan merupakan penyumbang utama kepada eksport Malaysia dengan nilai eksport bagi Mei 2021 adalah RM78.8 bilion atau 85.4 peratus, diikuti oleh sektor pertanian (RM7.5 bilion atau 8.1 peratus)

dan sektor perlombongan (RM5.7 bilion atau 6.1 peratus). Barang elektrik dan elektronik merupakan penyumbang tertinggi eksport sektor pembuatan bagi Mei 2021 dengan nilai eksport sebanyak RM31.6 bilion, menyusut sebanyak RM 5.5 bilion atau 14.8 peratus. Eksport barang elektrik dan elektronik menyumbang 40.0 peratus kepada keseluruhan eksport sektor pembuatan dan 34.2 peratus kepada keseluruhan nilai eksport.

3. Nilai eksport getah asli bagi Mei 2021 adalah RM337.0 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM50.3 juta atau 13.0 peratus bulan ke bulan. Nilai eksport sarung tangan getah bagi Mei 2021 adalah RM5,532.0 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM1,165.8 juta atau 17.4 peratus. Volum eksport sarung tangan getah bagi Mei 2021 pula adalah 76.7 ribu tan metrik dan turut mencatatkan penurunan sebanyak 14.1 ribu tan metrik atau 15.5 peratus bulan ke bulan.
4. Nilai eksport petroleum mentah bagi Mei 2021 adalah RM1,856.0 juta dan mencatatkan sedikit peningkatan sebanyak RM141.5 juta atau 8.3 peratus bulan ke bulan. Eksport gas asli cecair bagi Mei 2021 adalah RM2,985.0 juta dan turut mencatatkan sedikit peningkatan RM164.1 juta atau 5.8 peratus. Sebaliknya, nilai eksport keluaran petroleum bertapis dan kondensat dan minyak petroleum lain bagi Mei 2021 menyusut kepada RM5,880.0 juta dan RM36.0 juta, masing-masing berkurang RM2,914 juta atau 33.1 peratus dan RM203.6 juta atau 84.4 peratus.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Bernama 23 Julai 2021 (Non-Essential)</b>	<p><b>1,142 tapak bina beroperasi sejak 1 Jun, 209 langgar SOP</b></p> <p>Sebanyak 933 daripada 1,142 tapak binaan yang beroperasi di seluruh negara bagi tempoh 1 Jun hingga semalam mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan semasa Kawalan Pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1984922">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1984922</a>

2.	<b>Property Guru 23 July 2021 (Non-essential)</b>	<p><b>Second Phase Of Construction Worker Vaccination To Start On 5 August at Johor and Penang</b></p> <p>Registration for the vaccination opened on 12 July, with 30,000 slots set aside for those working in Penang and 25,000 for construction workers in Johor. Right now, all slots in Johor were fully booked whereas the registration in Penang still ongoing as only 22,800 slots were booked so far.</p>	<a href="https://www.propertyguru.com.my/property-news/2021/7/199996/second-phase-of-construction-worker-vaccination-to-start-on-5-august">https://www.propertyguru.com.my/property-news/2021/7/199996/second-phase-of-construction-worker-vaccination-to-start-on-5-august</a>
3.	<b>The Edge 23 July 2021 (Non-essential)</b>	<p><b>Updated: Factories in EMCO areas not required by MITI to do twice-weekly Covid-19 tests on staff</b></p> <p>MITI has reversed its earlier decision to order manufacturers which operate in localities that were placed under EMCO to conduct Covid-19 tests on their employees twice a week.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/miti-reverses-decision-twiceweekly-covid19-tests-factory-workers">https://www.theedgemarkets.com/article/miti-reverses-decision-twiceweekly-covid19-tests-factory-workers</a>
4.	<b>The Edge 25 July 2021 (Non-essential)</b>	<p><b>Over 298,000 factory workers have received first jab under PIKAS</b></p> <p>A total of 298,306 manufacturing sector workers have received their first dose of Covid-19 vaccine under the Public-Private Partnership Covid-19 Industry Immunisation Programme (PIKAS) as of today.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/over-29800-factory-workers-have-received-first-jab-under-pikas">https://www.theedgemarkets.com/article/over-29800-factory-workers-have-received-first-jab-under-pikas</a>

Penemuan penting & isu:

1. Menteri Kanan Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof memaklumkan secara keseluruhan 5,766 tapak bina diperiksa di seluruh negara dalam tempoh sama dengan 4,624 daripadanya didapati tidak beroperasi. Sebanyak 209 tapak bina dilaporkan tidak patuh SOP seterusnya diarah tutup dan antara sebab penutupan termasuk tiada surat kebenaran daripada beroperasi daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta tiada kebenaran pihak

berkuasa tempatan. Sarawak adalah negeri yang mempunyai tapak binaan paling banyak diarahkan tutup iaitu 56, diikuti Selangor (46) dan Kuala Lumpur (18).

2. *The request for additional quota of the vaccine would continue based on the current demand of the construction industry. A mobile vaccination centre will also be provided by Construction Industry Development Board (CIDB), should there be a request.*
3. *Updated guidelines by the ministry show that the requirement for biweekly tests has been removed. However, it is compulsory to conduct tests on workers with symptoms.*
4. *The Ministry of International Trade and Industry (MITI) said out of the total first dose vaccinated workers, 28,596 workers had gone on for the second dose of vaccination. PIKAS aims to support the acceleration of vaccination for about two million workers in the manufacturing sector by end of the third quarter.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Sejumlah 209 tapak pembinaan diarah tutup kerana melanggar SOP serta tidak mempunyai surat daripada MITI dan pihak berkuasa tempatan. Sebanyak 14 ribu lebih projek pembinaan yang dicatatkan pada suku tahun kedua 2021 dalam survei pembinaan suku tahunan.
2. Fasa kedua Program Vaksinasi Industri Pembinaan (CIVac) akan berlangsung dari 5 Ogos hingga 15 September dan bakal melibatkan kira-kira 55,000 pekerja pembinaan di Johor serta Pulau Pinang. Ianya menyumbang hampir 20 peratus pekerja sektor ini di kedua-dua negeri tersebut berdasarkan data Banci Ekonomi 2016.
3. Pengeluar yang beroperasi di kawasan yang diletakkan di bawah EMCO perlu melakukan ujian COVID-19 ke atas pekerja mereka dua kali seminggu untuk memastikan bahawa hanya pekerja yang telah disahkan mempunyai ujian negatif COVID-19 dibenarkan hadir di tempat kerja. Sebanyak 28,596 pekerja telah menjalani vaksinasi dos kedua dalam usaha mempercepat vaksinasi pekerja sektor perkilangan. Jumlah pekerja sektor Pembuatan yang direkodkan pada Mei 2021 adalah sebanyak 2,236,459 orang, pertumbuhan sebanyak 2.8 peratus berbanding tahun sebelumnya.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>New Straits Times</b> 26 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Siemens' global supply chain disrupted due to lockdown</b></p> <p>The various stages of lockdown in Malaysia has partly caused enormous disruptions to the global supply chain of the electrical and electronics (E&amp;E) components for Siemens AG, causing delays in its ability to fulfil customers' orders. The group's global manufacturing lines at its main headquarter in Germany had been "greatly" affected as it was sourcing out abundance of E&amp;E components from Malaysia. The global supply chain disruption had affected the group's manufacturing and delivery timeline at global level. If this is not resolved soon, the group will likely have to look to other sources of supply away from Malaysia.</p> <p>The prolonged lockdown would be devastating to Malaysia's position as a reliable location for critical global supply chain operations. Although Siemens Malaysia did not have manufacturing facilities locally, the various phases of Movement Control Order (MCO) in the country had been badly disrupted the company's project execution as well as service and maintenance work at customer sites. This group hope that the government can coordinate a targeted approach to allow companies to protect their</p>	<a href="https://www.nst.com.my/business/2021/07/711698/siemens-global-supply-chain-disrupted-due-lockdown">https://www.nst.com.my/business/2021/07/711698/siemens-global-supply-chain-disrupted-due-lockdown</a>

		investments, keep their staff and plan ahead.	
--	--	---	--

#### Penemuan penting & isu:

- Pelbagai tahap perintah kawalan pergerakan di Malaysia telah menyebabkan rantaian bekalan global komponen elektrik dan elektronik (E&E) Siemens AG terjejas sehingga menyebabkan kelewatan bagi memenuhi pesanan pembelian pelanggannya. Ini memberi kesan terhadap sektor pembuatan di ibu pejabat syarikat ini terutamanya di German kerana memperoleh komponen E&E dari Malaysia. Kumpulan tersebut tidak menolak kemungkinan bahawa mereka akan mencari sumber bekalan dari negara lain untuk mengatasi masalah tersebut dan berharap agar Kerajaan dapat memberi pendekatan secara bersasar untuk membolehkan syarikat membuat perancangan pengurusan dan pelaburan lebih awal.

#### Maklumbalas Bahagian:

- Gangguan rantaian bekalan global bagi komponen elektrik dan elektronik (E&E) akan memberi kesan kepada penyusunan statistik Akaun Semasa terutamanya komponen Barang dan perkhidmatan Pembuatan. Pada suku tahun pertama 2021, komponen Barang dan perkhidmatan Pembuatan masing-masing mencatatkan lebih RM36.6 bilion dan RM3.4 bilion berbanding RM42.6 bilion dan RM3.3 bilion pada suku sebelumnya.

F.	<b>Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Bernama</b> 23 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<b>Indeks Pelopor berkembang perlahan, petanda cabaran bagi kekalkan momentum pemulihan</b>  Indeks Pelopor (IP) Malaysia berkembang perlahan kepada 6.9 peratus pada Mei 2021 selepas meningkat kepada 15.7 peratus pada April 2021, berdasarkan perbandingan tahun ke tahun.  Pertumbuhan ini didorong oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain dan Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan.	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1984925">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1984925</a>

		<p>Pada masa yang sama, IP menurun sebanyak 2.9 peratus bulan ke bulan dengan import Benar Logam Asas Berharga &amp; Logam Bukan Ferus Lain (-1.2%) terutamanya platinum adalah antara komponen yang mendorong penurunan IP.</p> <p>Kadar pertumbuhan IP terlicin kekal di atas trend, walau bagaimanapun bergerak menurun dan ekonomi Malaysia dijangka akan menghadapi cabaran dalam mengekalkan momentum pemulihan.</p>	
2.	<b>Berita Harian</b> 23 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>Banyak pengedar kenderaan dijangka gulung tikar</b></p> <p>Banyak pengedar kenderaan dijangka terpaksa menutup perniagaan jika tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh terdekat.</p> <p>Presiden Persatuan Automotif Malaysia (MAA), menyatakan pihaknya menerima banyak aduan, terutama daripada pengedar kecil mengatakan mereka tidak mampu lagi bertahan dari segi aliran tunai ketika ini.</p> <p>Selain itu pengedar besar, turut terjejas dan mungkin hanya boleh bertahan sehingga Oktober, jika kerajaan masih menutup operasi sektor automotif.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/07/842067/banyak-pengedar-kenderaan-dijangka-gulung-tikar">https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/07/842067/banyak-pengedar-kenderaan-dijangka-gulung-tikar</a>

3.	<p><b>Berita Harian</b> 23 Julai 2021 (<i>Non-essential</i>)</p>	<p><b>MDEC komited perkasa perniagaan tempatan</b></p> <p>Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) terus memperkasakan perniagaan tempatan dengan penggunaan data melalui program Data Driven Enterprise (DDE). Melalui inisiatif itu, MDEC bekerjasama dengan firma penyelidik, International Data Corporation (IDC) bagi melancarkan alat penilaian kesediaan untuk data, analitik dan kecerdasan buatan (AI) untuk kegunaan syarikat tempatan.</p>	<p><a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/842206/malaysia-destinasi-pelaburan-utama-sektor-pembuatan-asia">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/842206/malaysia-destinasi-pelaburan-utama-sektor-pembuatan-asia</a></p>
4.	<p><b>The Edge</b> 25 Julai 2021 (<i>Non-essential</i>)</p>	<p><b>30% of tourism frontliners vaccinated, says Nancy</b></p> <p>About 30% of frontline workers in the tourism sector have been vaccinated against Covid-19 so far.</p> <p>Ministry in the process of collecting their names, including those who have registered in MySejahtera, so that they can be vaccinated soon. They include those in Melaka, Penang, Johor, Sabah, Kuala Lumpur and Pahang, especially frontliners in the tourism, craft and arts sectors.</p> <p>Pulau Pangkor is expected to achieve 80% herd immunity by early September. Tourism frontliners such as taxi drivers and hotel workers needed to be</p>	<p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/30-tourism-frontliners-vaccinated-says-nancy">https://www.theedgemarkets.com/article/30-tourism-frontliners-vaccinated-says-nancy</a></p>

		vaccinated as a preparation to welcome back tourists.	
5.	<b>Berita Harian</b> 26 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>MIDA tumpu tarik pelaburan berkualiti tinggi</b></p> <p>Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) terus menumpukan kepada usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi daripada syarikat asing dan tempatan menerusi pelbagai strategi pelaburan dan inisiatif dasar di tengah-tengah penularan pandemik COVID-19.</p> <p>Malaysia merekodkan pelaburan dilulus bernilai RM80.6 bilion dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan utama pada suku pertama 2021, lonjakan sebanyak 95.6 peratus daripada tempoh yang sama tahun lalu.</p> <p>Strategi agresif berterusan untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi daripada pelabur asing dan tempatan menunjukkan hasil yang meyakinkan. Malaysia kekal sebagai lokasi pelaburan kompetitif bagi pelabur asing meskipun keadaan tidak menentu global ketika ini.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/843290/mida-tumpu-tarik-pelaburan-berkualiti-tinggi">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/843290/mida-tumpu-tarik-pelaburan-berkualiti-tinggi</a>

#### Penemuan penting & isu:

- Indeks Pelopor (IP) Malaysia berkembang perlahan kepada 6.9 peratus pada Mei 2021 selepas meningkat kepada 15.7 peratus pada April 2021, berdasarkan perbandingan tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain dan Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan. Kadar pertumbuhan IP

terlicin kekal di atas trend, walau bagaimanapun bergerak menurun dan ekonomi Malaysia dijangka akan menghadapi cabaran dalam mengekalkan momentum pemulihan.

2. Pengedar kenderaan dijangka terpaksa menutup perniagaan jika tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh terdekat. Menurut Presiden Persatuan Automotif Malaysia (MAA), pihaknya telah menerima banyak aduan, terutama daripada pengedar kecil mengatakan tidak mampu lagi bertahan dari segi aliran tunai. Selain itu pengedar besar, turut terjejas dan dijangka akan bertahan sehingga Oktober, jika masih tidak dibenarkan beroperasi bagi sektor automotif.
3. Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) terus memperkasakan perniagaan tempatan dengan penggunaan data melalui program Data Driven Enterprise (DDE). Melalui inisiatif itu, MDEC bekerjasama dengan firma penyelidik, International Data Corporation (IDC) bagi melancarkan alat penilaian kesediaan untuk data, analitik dan kecerdasan buatan (AI) untuk kegunaan syarikat tempatan. Program DDE juga sejajar dengan visi MDEC mengenai Malaysia 5.0 yang memungkinkan negara berintegrasi dengan teknologi.
4. Sebanyak 30 peratus pekerja barisan hadapan sektor pelancongan telah diberi vaksin COVID-19 setakat ini. Kementerian dalam proses mengumpulkan nama pekerja yang berkenaan, termasuk yang telah mendaftar di MySejahtera agar mereka segera divaksin. Terutamanya barisan hadapan dalam sektor pelancongan, kraf dan seni termasuk Melaka, Pulau Pinang, Johor, Sabah, Kuala Lumpur dan Pahang. Pulau Pangkor dijangka mencapai 80 peratus imuniti kelompok pada awal September. Selain itu pemandu teksi dan pekerja hotel perlu diberi vaksin sebagai persediaan untuk menyambut kedatangan pelancong.
5. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) terus menumpukan usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi daripada syarikat asing dan tempatan menerusi pelbagai strategi pelaburan dan inisiatif dasar di tengah-tengah penularan pandemik COVID-19. Justeru, pada suku pertama 2021, Malaysia merekodkan pelaburan dilulus bernilai RM80.6 bilion dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan utama iaitu melonjak sebanyak 95.6 peratus daripada tempoh yang sama tahun lalu. Secara tidak langsung mencerminkan Malaysia kekal sebagai lokasi pelaburan kompetitif bagi pelabur asing meskipun keadaan tidak menentu global ketika ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Prestasi ekonomi Indeks Pelopor (IP) menunjukkan ekonomi berkembang perlahan kepada 6.9 peratus pada Mei 2021 berbanding 15.7 peratus pada April 2021, berasaskan perbandingan tahun ke tahun. Sehubungan itu, ekonomi Malaysia dijangka menghadapi cabaran dalam mengekalkan momentum pemulihan. Tambahan pula, kemunculan varian baharu COVID-19 yang lebih berbahaya telah mencetuskan sentimen pesimis di peringkat global dan nasional. Selain itu, pelaksanaan sekatan pergerakan yang berpanjangan akan mempengaruhi pemulihan ekonomi negara.
2. Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) memperkasakan perniagaan tempatan melalui platform Program Data Driven Enterprise (DDE) yang dapat membantu perniagaan tempatan memahami keperluan dan seterusnya meningkatkan kesediaan mereka terhadap teknologi dalam norma baharu perniagaan. Transformasi ini seiring dengan usaha kerajaan menjadikan negara sebagai peneraju ekonomi digital menerusi Malaysia 5.0. Selain itu, inisiatif ini turut membantu syarikat tempatan mengorak langkah dalam penggunaan data untuk memacu perniagaan masing-masing.
3. Sektor pelancongan negara ini terkesan dengan penularan pandemik COVID-19. Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) mengambil insiatif untuk mempergiat pemberian vaksin bagi barisan hadapan sektor pelancongan, kraf dan seni untuk mencapai imuniti kelompok di kalangan pekerja sektor ini bagi tujuan pembukaan sektor tersebut kelak. Antara langkah diambil adalah sasaran imuniti kelompok di Pulau Pangkor pada bulan September tahun ini. Usaha ini dijangka dapat memulihkan kembali sektor Pelancongan. Berdasarkan dapatkan Survei Pelancongan Domestik 2020, seramai 131.7 juta pelawat domestik dicatatkan pada 2020 dengan penurunan sebanyak 44.9 peratus berbanding 8.1 peratus tahun sebelumnya.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Astro Awani</b> 23 Julai 2021 (Essential)	7,100 keluarga terjejas di kawasan PKPD terima bantuan MAIWP  Sebanyak 7,100 keluarga yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/7100-keluarga-terjejas-di-kawasan-pkpd-terima-bantuan-maiwp-309847">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/7100-keluarga-terjejas-di-kawasan-pkpd-terima-bantuan-maiwp-309847</a>

		(PKPD) di seluruh Wilayah Persekutuan, menerima bantuan barang makanan dan wang tunai melalui Program Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Prihatin Kasih Asnaf 3.0.	
2.	<b>Sinar Harian</b> 23 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Bank makanan Pusat Nelayan Pulau Pinang bantu rakyat terjejas</b>  Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) di Pulau Pinang telah memulakan program 'food bank' awal bulan ini untuk komuniti nelayan selatan Pulau Pinang yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilanjutkan bagi membendung COVID-19 dan inisiatif ini telah memanfaatkan lebih kurang 80 keluarga yang turut melibatkan warga emas, ibu tunggal dan orang kelainan upaya dari kawasan berhampiran PPSN.	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/151438/BERITA/Nasional/Bank-makanan-Pusat-Nelayan-Pulau-Pinang-bantu-rakyat-terjejas">https://www.sinarharian.com.my/article/151438/BERITA/Nasional/Bank-makanan-Pusat-Nelayan-Pulau-Pinang-bantu-rakyat-terjejas</a>
3.	<b>Sinar Harian</b> 23 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>LZS lulus 3,500 permohonan bantuan 'one-off'</b>  Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah meluluskan sebanyak 3,500 permohonan bantuan 'one-off' kepada individu yang terjejas pendapatan susulan pandemik COVID-19. Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M Yusop berkata, inisiatif menerusi Program Zakat Selangor Peduli itu dijangka dapat membantu 15,000 orang penerima secara keseluruhan terdiri daripada	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/151460/EDISI/LZS-lulus-3500-permohonan-bantuan-one-off">https://www.sinarharian.com.my/article/151460/EDISI/LZS-lulus-3500-permohonan-bantuan-one-off</a>

		golongan asnaf, B40, M40 dan mereka yang terkesan.	
4.	<b>Sinar Harian</b> 23 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Agrobank edar bakul makanan kepada 60 keluarga B40</b>  Agrobank dengan kerjasama Persatuan Jaringan Pembangunan Luar Bandar Malaysia (DHRRA Malaysia) dan MySkills Foundation mengedarkan bantuan bekalan makanan kepada 60 keluarga B40 menerusi program COVIDCAREMY 3.0.	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/151486/EDISI/Agrobank-edar-bakul-makanan-kepada-60-keluarga-B40">https://www.sinarharian.com.my/article/151486/EDISI/Agrobank-edar-bakul-makanan-kepada-60-keluarga-B40</a>
5.	<b>Kosmo!</b> 24 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>COVID-19: Bekalan telur negara kurang 21 juta</b>  Bekalan telur ayam dalam negara dijangka berkurangan sebanyak 21 juta biji selepas kilang pengeluar terbesar di Durian Tunggal di sini diarahkan ditutup serta-merta pada 23 Julai.	<a href="https://www.kosmo.com.my/2021/07/24/covid-19-bekalan-telur-negara-kurang-21-juta/">https://www.kosmo.com.my/2021/07/24/covid-19-bekalan-telur-negara-kurang-21-juta/</a>
6.	<b>Berita Harian</b> 24 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Warga TNB sumbang RM1.63 juta bantu golongan rentan</b>  Tenaga Nasional Berhad (TNB) meluluskan geran sepadan berjumlah RM1.63 juta untuk Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) bagi membantu lebih ramai golongan rentan terjejas akibat pandemik COVID-19. Pengurus TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata sejak Tabung WTP dilancarkan 9 Jun lalu, lebih RM1.63 juta disumbangkan secara sukarela melalui potongan gaji bulan Jun	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/842676/warga-tnb-sumbang-rm163-juta-bantu-golongan-rentan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/842676/warga-tnb-sumbang-rm163-juta-bantu-golongan-rentan</a>

		dan Julai oleh warga kerja TNB termasuk pengurusan tertinggi dan Ahli Lembaga Pengarahnya.	
7.	<b>Utusan Malaysia</b> 24 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>200 pemandu teksi KLIA terima bantuan</b></p> <p>200 pemandu teksi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) disantuni dan menerima agihan sumbangan Infaq Rezeki yang bernilai RM16,000. Pengerusi Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata agihan ini turut melibatkan jalinan kerjasama dan tajaan beberapa organisasi lain.</p>	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/200-pemandu-teksi-klia-terima-bantuan/">https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/200-pemandu-teksi-klia-terima-bantuan/</a>
8.	<b>Astro awani</b> 24 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Bukit Fraser, Pulau Tioman dijangka dibuka semula untuk pelancongan awal Ogos – Exco</b></p> <p>Kerajaan Pahang bercadang untuk membuka sektor pelancongan di negeri itu secara berperingkat bermula awal bulan depan dengan Bukit Fraser dan Pulau Tioman menjadi perintis.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bukit-fraser-pulau-tioman-dijangka-dibuka-semula-untuk-pelancongan-awal-ogos-exco-310141">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bukit-fraser-pulau-tioman-dijangka-dibuka-semula-untuk-pelancongan-awal-ogos-exco-310141</a>
9.	<b>Harian Metro</b> 25 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>10 tan bantuan makanan untuk penduduk di kawasan PKPD</b></p> <p>Ahli Parlimen Santubong menyumbangkan 10 tan bantuan makanan kepada 10,000 penduduk di enam kampung di kawasan Santubong. 2,500 keluarga di sekitar Tabuan Melayu telah menerima manfaat daripada bantuan ini. Bantuan yang diagihkan termasuklah</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/734513/10-tan-bantuan-makanan-untuk-penduduk-di-kawasan-pkpd">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/734513/10-tan-bantuan-makanan-untuk-penduduk-di-kawasan-pkpd</a>

		makanan dalam tin, daging dan ayam segar bagi membantu mereka yang dikenakan PKPD semasa sambutan Aidiladha.	
10.	<b>The Sun Daily</b> 25 Julai 2021 (Essential)	<p><b>SMEs need new ways to rebuild businesses in COVID-era</b></p> <p>Small and medium enterprises (SME) are barely surviving their businesses during this pandemic that are increasing and persistence cases of COVID-19. Utilizing their business in channeling to a digitalization and technology platforms are the best option to expand their businesses during this pandemic as movement are restricted. Exploring joint venture or partnering as an option to secure the market share and gain operational efficiency. Government agencies are also helping the SMEs how to manage well their businesses with incentives provided by the government.</p>	<a href="https://www.thesunday.my/local/smes-need-new-ways-to-rebuild-businesses-in-covid-era-AD8115277">https://www.thesunday.my/local/smes-need-new-ways-to-rebuild-businesses-in-covid-era-AD8115277</a>
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Program dengan peruntukan sejumlah RM1.5 juta itu, dilaksanakan MAIWP bersama Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP sejak 3 hingga 18 Julai lepas, melibatkan 20 lokasi di kawasan Kampung Segambut Dalam, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Ria, Kampung Padang Balang, PPR Kerinchi, Bandar Baru Sentul dan lain-lain. Pengurus MAIWP berkata sumbangan ini adalah hasil wang wakalah zakat individu, syarikat dan majikan yang menunaikan zakat di PPZ-MAIWP.</li> <li>2. Pegawai informasi PPSN berkata terdapat bantuan yang dihantar terus kepada penerima yang telah dikenal pasti dan terdapat juga mereka yang datang sendiri ke pejabat PPSN. Program bank makanan itu akan</li> </ol>			

diteruskan sehingga tamat pandemik COVID-19 bagi membantu lebih ramai penduduk tempatan.

3. LZS mengumumkan peruntukan agihan sebanyak RM69.3 juta secara keseluruhan menerusi pelaksanaan 19 inisiatif bantuan di bawah program Zakat Selangor Peduli yang memberi manfaat kepada 59,322 penerima dan 431 institusi. Sementara itu, mengulas mengenai program penyerahan berkenaan, sebanyak 120 bakul makanan diberikan kepada pihak yang memerlukan meliputi barang keperluan asas.
4. Sejumlah RM200 diperuntukkan bagi setiap keluarga untuk bekalan makanan asas seperti beras, tepung, minyak masak, gula, garam, sardin, susu pekat, kit penjagaan diri dan barang korporat Agrobank seperti tuala muka, kipas tangan dan beg sandang untuk diedarkan kepada keluarga-keluarga yang telah dikenal pasti oleh DHRRA Malaysia.
5. Kilang pengeluar telur terbesar terpaksa ditutup selama dua minggu sehingga 6 Ogos depan selepas beberapa pekerja kilang didapati positif COVID-19. Kilang tersebut mengeluarkan kira-kira 1.5 juta biji telur ayam setiap hari untuk dibekalkan di seluruh negara. Rakyat mungkin berdepan dengan kenaikan harga pasaran telur akibat bekalan berkurangan. Harga telur dijangka akan naik antara 10 hingga 20 peratus, bergantung kepada permintaan dan jumlah bekalan yang ada.
6. Pengerusi TNB berkata angka itu melepas sasaran RM1.5 juta yang ditetapkan dan ia menyerlahkan keprihatian warga kerja TNB berkongsi rezeki bersama mereka yang memerlukan. Sebagai perangsang kepada usaha murni ini, katanya, Ahli Lembaga Pengarah TNB bersetuju menggandakan jumlah kutipan menjadikan jumlah tabung keseluruhan kini meningkat kepada RM3.26 juta.
7. Kerjasama antara PPIM bersama beberapa persatuan dan NGO bertujuan untuk meringankan beban pemandu teksi yang kehilangan punca pendapatan kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.
8. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Pahang menyatakan Kerajaan Pahang sedang mengkaji bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai prosedur operasi standard (SOP) pelancongan yang bersesuaian. Langkah ini bagi menghidupkan semula sektor pelancongan di negeri Pahang yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

9. Penduduk di Parlimen Santubong yang dikenakan PKPD menerima manfaat daripada 10 tan bantuan makanan yang disumbangkan ahli parlimen.
10. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menyediakan bantuan sebanyak RM5,000 kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME) bagi memberi peluang meneruskan perniagaan mereka.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Kerajaan menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan kumpulan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan juga kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).
2. Pengiraan simulasi pendapatan dan kemiskinan 2020 peringkat negeri ditambah baik dengan merujuk kepada statistik terkini KDNK Negeri 2020 dan statistik gaji upah 2020. Penerbitan khas anggaran pendapatan tahun 2020 dijangka akan diterbitkan pada 6 Ogos 2021.
3. Kenaikan antara 10 hingga 20 peratus harga telur bagi semua gred berikutan kekurangan pengeluaran akan memberi tekanan kepada inflasi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol terutamanya bagi subkumpulan Susu, Keju & Telur. Item telur menyumbang sebanyak 0.4 peratus kepada wajaran keseluruhan inflasi. Pada Jun 2021, inflasi bagi item ini meningkat 2.0 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Manakala purata harga bagi telur gred A, RM11.85 sepanjang gred B, RM10.83 sepanjang dan gred C, RM9.96.
4. Pembukaan semula sektor pelancongan di Bukit Fraser dan Pulau Tioman pada awal bulan depan sekaligus akan memberi ruang kepada perkhidmatan perhotelan dan restoran untuk melaksanakan operasi. Pembukaan ini dijangka akan memberi impak kepada kenaikan harga perkhidmatan kerana adanya *supply* dan *demand* serta peningkatan kos persediaan keperluan pematuhan SOP yang dikenakan secara tidak langsung kepada pengguna. Kenaikan ini akan memberi kesan kepada Indeks Harga Perkhidmatan dan Indeks Harga Pengguna terutamanya bagi kumpulan Restoran & Hotel.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Harian Metro</b> 25 Julai 2021 (non-Essential)	<p><b>Kes baharu COVID-19 Sabah meningkat</b></p> <p>Jumlah kes baharu COVID-19 di Sabah terus meningkat apabila merekodkan 818 kes hari ini (25 Julai 2021), dengan saringan ke atas kontak rapat menjadi penyumbang utama peningkatan. Ia juga peningkatan 106 kes berbanding 712 kes, semalam.</p> <p>Tambahan, kontak rapat yang positif wabak itu mencapai 364 kes atau 44.4 peratus daripada jumlah kes baharu. Sebanyak 148 kes atau 18 peratus daripada kluster sedia ada, 104 kes atau 12.7 peratus daripada saringan bersasar dan saringan bergejala sebanyak 103 kes atau 12.6 peratus.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/734644/kes-baharu-covid-19-sabah-meningkat-hari-ini">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/734644/kes-baharu-covid-19-sabah-meningkat-hari-ini</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 23 Julai 2021 (non-Essential)	<p><b>Penduduk dewasa boleh dapatkan vaksin selepas 1 Ogos</b></p> <p>Penduduk dewasa berusia 18 tahun ke atas di ibu negara, Selangor dan Putrajaya yang masih belum menerima janji temu, boleh mendapatkan vaksin COVID-19 secara 'walk in' selepas Operasi Lonjakan Kapasiti berakhir 1 Ogos ini.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/842350/penduduk-dewasa-boleh-dapatkan-vaksin-selepas-1-ogos">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/842350/penduduk-dewasa-boleh-dapatkan-vaksin-selepas-1-ogos</a>

## Penemuan penting & isu:

1. Statistik di Sabah pada 25 Julai 2021, turut menyaksikan sembilan daerah di Sabah mencatat jangkitan baharu melebihi 25 kes iaitu Papar (37), Tuaran (44), Beluran (44), Tawau (55), Sipitang (57), Beaufort (66), Keningau (69), Penampang (77) dan Kota Kinabalu (167). Sebanyak enam kluster baharu COVID-19 direkodkan di Sabah pada Ahad dengan tiga daripadanya melibatkan jangkitan di tempat kerja, manakala selebihnya membabitkan kluster komuniti dan aktiviti keagamaan. Tiga kluster tempat kerja yang dikesan itu ialah Kluster Gipan Kolombong di sini yang mencatatkan 40 kes kumulatif, Kluster Tinabau di Kinabatangan (26 kes) dan Kluster Simpang Tiga di Ranau (14 kes). Kluster Gipan Kolombong tercetus di sebuah premis membancuh simen dengan kes indeks merupakan seorang pekerja lelaki berusia 28 tahun yang disahkan positif COVID-19 pada 21 Julai lepas, manakala Kluster Tinabau dikesan pada 19 Julai lepas dengan kes indeks seorang lelaki berusia 49 tahun yang bekerja di sebuah ladang kelapa sawit.
2. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) akan mengumumkan pusat pemberian vaksin (PPV) yang akan dibuka untuk kemudahan terbabit tidak lama lagi. Selepas Operasi Lonjakan Kapasiti tamat 1 Ogos ini, penduduk dewasa berusia 18 tahun ke atas yang belum terima janji temu, akan dibenarkan mendapatkan vaksinasi secara 'walk in'. Berdasarkan rekod, sebanyak 432,843 dos suntikan sudah diberikan dalam tempoh dua hari mulai kelmarin dengan 293,100 daripadanya membabitkan dos pertama. Sebanyak 71.9 peratus penduduk dewasa 18 tahun ke atas di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin. Operasi lonjakan kapasiti bermula 21 Julai lalu hingga 1 Ogos ini dengan sasaran suntikan 211,000 sehingga 275,000 dos setiap hari kepada penduduk di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya. Menerusi kadar suntikan ini, sasaran keseluruhan adalah untuk memberikan sekurang-kurangnya satu dos kepada semua penduduk dewasa di Lembah Klang sebelum atau pada 1 Ogos ini.

## Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:
  - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
  - Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan; dan
  - Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020. Selangor merekodkan bilangan kematian

tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.

2. Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.
3. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I.	<b>Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 23 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Hampir semua guru sudah divaksin</b></p> <p>Hampir semua guru sudah menerima vaksin COVID-19 susulan pembukaan sekolah secara berperingkat untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka, mulai 1 September ini.</p> <p>Bukan sahaja guru, malah kumpulan sokongan seperti tukang cuci, pengawal keselamatan dan pengusaha kantin juga akan menerima vaksin COVID-19 susulan pembukaan semula sekolah.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/842361/hampir-semua-guru-sudah-divaksin">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/842361/hampir-semua-guru-sudah-divaksin</a>

2.	<b>Harian Metro</b> 23 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Kontrak Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi dilanjutkan</b> <p>Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi lantikan kontrak ditawarkan pelantikan secara kontrak untuk tempoh dua tahun selepas melengkapkan khidmat wajib bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan dan persediaan mengikuti pengajian kepakaran.</p> <p>Langkah itu bagi memastikan pegawai berkenaan berjaya melengkapkan pengajian kepakaran masing-masing.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/733791/kontrak-pegawai-perubatan-pegawai-pergigian-pegawai-farmasi-dilanjutkan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/733791/kontrak-pegawai-perubatan-pegawai-pergigian-pegawai-farmasi-dilanjutkan</a>
3.	<b>Berita Haraian</b> 26 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>Warga emas, OKU boleh 'walk-in' ke PPV di Melaka</b> <p>Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) Melaka membenarkan semua pusat pemberian vaksin (PPV) awam di negeri ini memberikan suntikan vaksin COVID-19 secara 'walk-in' atau jumpa terus kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang belum menerima janji temu, mulai hari ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, setiap PPV hanya boleh memberikan vaksin kepada 50 individu terawal memandangkan bekalan vaksin yang terhad. Walk-in hanya dibenarkan bermula jam 8.30 pagi hingga 1 tengah hari. Warga emas, OKU atau waris peneman perlu membawa kad pengenalan penerima vaksin, telefon pintar</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/843282/warga-emas-oku-boleh-walk-in-ke-ppv-di-melaka">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/843282/warga-emas-oku-boleh-walk-in-ke-ppv-di-melaka</a>

	yang berdaftar dengan MySejahtera serta dokumen berkaitan seperti penyakit kronik (sekiranya ada) ke PPV.	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Hampir keseluruhan guru sudah menerima vaksin COVID-19 susulan pembukaan sekolah secara berperingkat untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka, mulai 1 September 2021.
2. Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi lantikan kontrak ditawarkan pelantikan secara kontrak untuk tempoh dua tahun selepas melengkapkan khidmat wajib bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan dan persediaan mengikuti pengajian kepakaran.
3. Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) Melaka membenarkan semua pusat pemberian vaksin (PPV) awam di negeri ini memberikan suntikan vaksin COVID-19 secara 'walk-in' atau jumpa terus kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang belum menerima janji temu, mulai hari ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Para guru haruslah divaksin sebelum pembukaan semula sekolah bagi memastikan PdP dilaksanakan dalam persekitaran yang selamat kepada semua pihak terutamanya murid. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan guru sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 masing-masing merekodkan 235,987 orang dan 180,572 orang.
2. Perlanjutan kontrak pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi dapat membantu meringankan beban petugas barisan hadapan terutamanya doktor dan jururawat dalam memerangi penularan wabak COVID-19 ini. Berdasarkan Laporan Buletin Perangkaan Sosial 2020, bilangan doktor dan jururawat di Malaysia pada tahun 2019 masing-masing seramai 67,586 orang dan 131,258 orang.
3. Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan antara golongan rentan yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 ini. Inisiatif CITF Melaka membenarkan golongan OKU menerima suntikan vaksin COVID-19 secara "walk-in" akan memudahkan golongan tersebut menerima vaksin bagi membantu negara dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sekali gus mencapai imuniti kelompok secepat mungkin. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan kumulatif OKU yang berdaftar di Melaka pada tahun 2019 adalah seramai 25,485 orang.

<p>Manakala jumlah bilangan kumulatif OKU yang berdaftar di Malaysia pada tahun 2019 adalah seramai 548,195 orang.</p>			
J.	<b>Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Bernama</b> 22 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>RM171.64 juta disalurkan bagi sokong industri pertanian, jaminan makanan</b></p> <p>Sejumlah RM171.64 juta dalam bentuk pembiayaan telah disalurkan kepada 13,871 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro pertanian setakat 9 Julai 2021 bagi menyokong industri pertanian dan makanan negara.</p> <p>Di bawah skim sokongan industri pertanian dan makanan ini, sejumlah RM350 juta merupakan peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1984734">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1984734</a>
2.	<b>Free Malaysia Today</b> 23 July 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>NGO's farming project a lifeline for underprivileged Orang Asli</b></p> <p>Orang Asli has been receiving help from Global Peace Foundation (GPF) Malaysia, a non-governmental organisation.</p> <p>GPF has been working to uplift underprivileged communities in the country. Its latest effort is the OA-Eco Farm project, which addresses farming challenges faced by indigenous Malaysians.</p>	<a href="https://www.freemalatiaday.com/category/leisure/2021/07/23/ngos-farming-project-a-lifeline-for-underprivileged-orang-asli/">https://www.freemalatiaday.com/category/leisure/2021/07/23/ngos-farming-project-a-lifeline-for-underprivileged-orang-asli/</a>

3.	<b>Utusan</b> 23 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Tanam tebu depan rumah isi masa tiga bulan ‘bercuti’</b></p> <p>Ladang tebu yang diusahakan di tanah kosong ini mempunyai kira-kira 600 batang dengan keluasan satu ekar setengah merangkumi tebu jenis telor, hitam kapur, buluh dan ragnar.</p> <p>Setelah enam bulan, pokok tebu sudah mula mendatangkan hasil dan dia juga telah membuat jus tebu yang dibotolkan untuk jualan kepada orang ramai.</p>	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/tanam-tebu-depan-rumah-isi-masa-tiga-bulan-bercuti/">https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/tanam-tebu-depan-rumah-isi-masa-tiga-bulan-bercuti/</a>
4.	<b>Utusan</b> 24 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Satu Malaysia beli ros dijual dalam talian</b></p> <p>Melabur dalam perniagaan ketika zaman pandemik memang berisiko namun itu tidak mematahkan semangat pengusaha nurseri pokok ros, Anasika Zaina di pekan Pendang di sini.</p> <p>Terdapat lebih 3,000 pokok bunga ros di Eyka Rose Garden daripada 300 spesies termasuk 500 daripadanya mempunyai nama atau jenis tersendiri yang mana jenis Red Baccara paling digemari ketika ini.</p>	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/satu-malaysia-beli-ros-dijual-dalam-talian/">https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/satu-malaysia-beli-ros-dijual-dalam-talian/</a>
5.	<b>Sinar Harian</b> 26 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>3 tan durian RM2 'licin' 3 jam</b></p> <p>Hanya RM2 sebijji. Itu harga dikenakan seorang pemborong buah-buahan kepada para pelanggan yang datang membeli buah durian kampung di kedainya</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/151914/PILIHAN-EDITOR/3-tan-durian-RM2-licin-3-jam">https://www.sinarharian.com.my/article/151914/PILIHAN-EDITOR/3-tan-durian-RM2-licin-3-jam</a>

	di Kampung Jabi di sini sejak seminggu lalu.	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Sejumlah RM171.64 juta dalam bentuk pembiayaan telah disalurkan kepada 13,871 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro pertanian setakat 9 Julai 2021 bagi menyokong industri pertanian dan makanan negara. Di bawah skim sokongan industri pertanian dan makanan ini, sejumlah RM350 juta merupakan peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank.
2. *Orang Asli has been receiving help from Global Peace Foundation (GPF) Malaysia, a non-governmental organisation. GPF has been working to uplift underprivileged communities in the country. Its latest effort is the OA-Eco Farm project, which addresses farming challenges faced by indigenous Malaysians. The project subsidises the cost of equipment and seedlings to help the farmers get started. The crops are intended for self-subsistence, with chilli, brinjal, pumpkin, tomato, long beans, french beans, spinach, ladies fingers and bitter gourd commonly grown.*
3. Ladang tebu yang diusahakan di tanah kosong ini mempunyai kira-kira 600 batang dengan keluasan satu ekar setengah merangkumi tebu jenis telor, hitam kapur, buluh dan Ragnar. Setelah enam bulan, pokok tebunya sudah mula mendatangkan hasil dan dia juga telah membuat jus tebu yang dibotolkan untuk jualan kepada orang ramai.
4. Ketika zaman pandemik pengusaha nurseri pokok ros di Pendang telah mengusahakan lebih 3,000 pokok bunga ros di Eyka Rose Garden daripada 300 spesies termasuk 500 daripadanya mempunyai nama atau jenis tersendiri yang mana jenis Red Baccara paling digemari ketika ini

Maklumbalas Bahagian:

1. Tomato, bayam, cili, kacang panjang, bendi dan terung merupakan antara sayur-sayuran utama di Malaysia. Pada 2019, penggunaan per kapita tomato adalah 3.6 kg/tahun, diikuti bayam (2.1 kg/tahun), kacang panjang (1.7 kg/tahun), bendi (1.6 kg/tahun), terung (1.0 kg/tahun) dan cili (2.0 kg/tahun). Pemberian bantuan dijangka akan meningkatkan jumlah pengeluaran dan kadar sara diri tanaman sayur-sayuran. Statistik ini merujuk kepada penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih.
2. Merujuk kepada penyusunan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia 2015-2019, 19 daripada 28 tanaman terpilih mencatatkan kadar sara diri melebihi 100 peratus. Tempoh Perintah Kawalan

	<p>Pergerakan dijangka tidak memberi kesan kepada pembekalan sayur-sayuran dan buah-buahan di Malaysia.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3. Pengeluaran tebu pada 2019 adalah 20,761.1 tan metrik dengan kadar sara diri 207.2 peratus. Pengeluaran ini adalah mencukupi untuk menampung penggunaan domestik.</li> <li>4. Merujuk kepada Booklet Statistik Tanaman 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pengeluaran bunga-bungaan pada 2020 dianggarkan sebanyak 544.24 juta keratan/pasu, dengan Kedah merekodkan sebanyak 797,891 keratan/pasu. Maklumat pengeluaran bunga-bungaan turut disusun dalam penerbitan Indikator Pertanian Terpilih.</li> <li>5. Durian merupakan antara buah-buahan yang gemar dimakan oleh rakyat Malaysia dengan penggunaan per kapita durian pada 2019 adalah 10.7 kg/tahun, meningkat 0.9 kg berbanding 9.8 kg/tahun pada 2018. Purata harga runcit durian jenis kampung dan D24 pada Jan-Jun 2020 masing-masing adalah RM12.10 dan RM21.65. Statistik ini diperoleh daripada penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).</li> </ol>		
<b>K.</b>	<b>Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Astro Awani 26 July 2021 (Non-Essential)</b>	<p><b>RiVAC mampu imbangi kelangsungan ekonomi dan pengawalan COVID-19</b></p> <p>Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC) mampu memberi impak besar ke arah mencapai sasaran kelompok imuniti dalam kalangan pekerja sektor itu dan melindungi pengguna bagi membendung penularan COVID-19. Ia juga mampu mengimbangi keperluan antara kelangsungan ekonomi negara dan mengawal penularan pandemik itu serta mengukuhkan kepercayaan pengguna terhadap industri ini.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-bisnes/rivac-mampu-imbangi-kelangsungan-ekonomi-dan-pengawalan-covid19-310520">https://www.astroawani.com/berita-bisnes/rivac-mampu-imbangi-kelangsungan-ekonomi-dan-pengawalan-covid19-310520</a>

2.	<b>Astro Awani 26 July 2021 (Essential)</b>	<p><b>Govt to spend RM1.2b to extend contracts for 14,000 medical, dental officers, pharmacists, says Tengku Zafrul</b></p> <p>The government has agreed to extend the contracts of about 14,000 medical doctors, dentists and pharmacists for a period of two years (or 7,000 per cohort/year) which will involve a financial implication of RM1.2 billion.</p> <p>The government is aware of their contribution and role as the front line of health in providing the best health services to the people, especially in the Covid-19 pandemic situation.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/govt-spend-rm12b-extend-contracts-14000-medical-dental-officers-pharmacists-says-tengku">https://www.theedgemarkets.com/article/govt-spend-rm12b-extend-contracts-14000-medical-dental-officers-pharmacists-says-tengku</a>
3.	<b>The Edge Market 26 July 2021 (Non-Essential)</b>	<p><b>Sime Darby Plantation's third industrial vaccination centre to vaccinate 6,500 workers</b></p> <p>Sime Darby Plantation Bhd's (SDP) third industrial vaccination centre (PPVIN) in the Tennamaram Estate in Bestari Jaya, Selangor will help some 6,500 plantation workers get their Covid-19 vaccination. The centre will not only vaccinate SDP workers from the palm oil, rubber and other agricultural sectors in the state but also plantation workers from other companies.</p> <p>it is vital that plantation workers, the backbone of the country's agricultural sector,</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/sime-darby-plantations-third-industrial-vaccination-centre-vaccinate-6500-workers">https://www.theedgemarkets.com/article/sime-darby-plantations-third-industrial-vaccination-centre-vaccinate-6500-workers</a>

		are given the opportunity to be vaccinated.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC) mampu memberi impak besar ke arah mencapai sasaran kelompok imuniti dalam kalangan pekerja sektor peruncitan dan melindungi pengguna bagi membendung penularan COVID-19. Di samping itu, ia dapat mengimbangi keperluan antara kelangsungan ekonomi negara dan mengawal penularan wabak serta mengukuhkan kepercayaan pengguna terhadap industri ini.
2. Kerajaan bersetuju melanjutkan kontrak kira-kira 14 ribu pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi bagi tempoh 2 tahun (7,000 setiap kohort/tahun) dengan implikasi kewangan sebanyak RM1.2 bilion. Kerajaan turut bersetuju melanjutkan pelantikan secara kontrak bagi tempoh maksimum empat tahun bagi pegawai perubatan dan pegawai pergigian yang diterima mengikuti pengajian kepakaran dalam tempoh kontrak dua tahun pertama.
3. Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) ketiga Sime Darby Plantation Bhd (SDP) di Ladang Tennamaram di Bestari Jaya akan menyediakan kemudahan suntikan vaksin COVID-19 melibatkan 6,500 pekerja ladang. PPVIN tersebut akan membabitkan pekerja aktiviti minyak sawit, getah dan sektor pertanian SDP di negeri berkenaan serta pekerja ladang daripada syarikat lain.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Mei 2021 yang diterbitkan pada 8 Julai 2021 adalah seperti berikut:
  - i) Tenaga buruh: 16,098.9 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,370.8 ribu
  - iii) Penganggur: 728.1 ribu
  - iv) Luar tenaga buruh: 7,398.0 ribu
  - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.5 peratus
  - vi) Kadar pengangguran: 4.5 peratus
2. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
  - i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
  - iii) Penganggur: 771.8 ribu
  - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
  - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST1 2021:
  - i) Jawatan: 8,437.5 ribu
  - ii) Jawatan diisi: 8,259.6 ribu
  - iii) Kekosongan: 177.9 ribu
  - iv) Pewujudan jawatan: 17.38 ribu
  - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
  - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
  - i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
  - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
  - iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
  - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
  - v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
  - vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)